

KUALA LUMPUR, 19 MEI (BERNAMA) -- CARA PEMBAYARAN TUNGGAKAN BAGI MELAKSANAKAN LAPORAN GAJI JAWATANKUASA KABINET AKAN DIUMUMKAN BULAN DEPAN, DEMIKIAN KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, KERAJAAN AKAN MEMBELANJAKAN SEBANYAK \$680 JUTA UNTUK MELAKSANAKAN LAPORAN ITU.

INI TERMASUK PEMBAYARAN DUA KALI BANYAKNYA BAGI BERBAGAI ELAUN DALAM TEMPON 18 BULAN, TAMBAHNYA.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS UPacara PENYAMPAIAN SEBUAH ATLAS DI BILIK GERAKAN KEMENTERIAN PELAJARAN DI SINI, DR. MAHATHIR BERKATA, ANGKA TERSEBUT TIDAK TERMASUK LAIN-LAIN PENYESUAIAN, PENCEN DAN KENAIKAN GAJI.

KATANYA, SEBUAH BADAN YANG BEBAS AKAN DITUBUHKAN DENGAN SEBERAPA SEGERA SEBAGAIMANA YANG DIKEHENDAKI OLEH LAPORAN KABINET UNTUK MENILITI SEGALA ANAMOLI YANG TIMBUL DARI LAPORAN ITU.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENJELASKAN BADAN ITU AKAN DITUBUHKAN DENGAN KUASA DAN TUGAS TERTENTU DALAM KONTEK KEADAAN DI NEGARA INI.

-- BERSAMBUNG 1713/ZCM  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENJELASKAN PENUBUHAN BADAN ITU PERLU DIKAJI DARI SEGI SUSUNAN DAN TUGASNYA.

KATANYA, +TIADA SIAPA YANG PUASHATI DENGAN MANA-MANA LAPORAN GAJI DAN USAHA MASIH DIBUAT UNTUK MEMBETULKAN ANAMOLI YANG TIMBUL DARI BERBAGAI LAPORAN.+

MENGULAS TENTANG LAPORAN-LAPORAN BAHAWA KAKITANGAN DI JABATAN HASIL DALAM NEGERI SEDANG MERANCANG UNTUK MELANCARKAN MOGOK OLEH KERANA ANAMOLI TERSEBUT, DR. MAHATHIR BERKATA, +MENURUT UNDANG-UNDANG, MEREKA BOLEH MOGOK.+

+TETAPI KERAJAAN MEMPUYAI KUASA TERTENTU DALAM PERKARA INI. YANG DEMIKIAN KAMI TERPAKSALAH MENUNGGU DAN MELIHAT SAJA,+ TAMBAHNYA.

DR. MAHATHIR BERKATA, BANYAK KUMPULAN PEKERJA LAIN TELAH MENG-HANTAR ADUAN TENTANG ANAMOLI DALAM PELAKSANAAN LAPORAN GAJI ITU.

KATANYA, PERKARA ITU TERPAKSA DIKAJI SECARA KESELURUHAN OLEH KERANA KERAJAAN MESTILAH +MEMBUAT APA YANG DIFIKIRKAN BAIK BAGI SEMUA RAKYAT.+ -- BERSAMBUNG 1720/ZCM

MAHATHIR - TUNGGAKAN 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA BUKANNYA UMNO ATAU BARISAN NASIONAL YANG MEMBAYAR WANG TERSEBUT, TETAPI RAKYAT SENDIRI YANG MESTI MEMIKUL BEBAN KENAIKAN GAJI BAGI KAKITANGAN KERAJAAN.

MENGENAI ANAMOLI-ANAMOLI, BELIAU BERKATA, +SEKIRANYA ADA KES BAGI SATU KUMPULAN, MAKA ADA KES PULA BAGI SETIAP ORANG LAIN.+

TERDAHULU DARI ITU, DIUPACARA PENYAMPAIAN ATLAS ITU, DR. MAHATHIR BERKATA, ATLAS KEBANGSAAN YANG DITERBITKAN OLEH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ITU SANGAT BERGUNA BAGI SEKOLAH-SEKOLAH, PERPUSTAKAAN, KEDUTAAN DAN PEJABAT-PEJABAT PENERANGAN.

BELIAU MEMUJI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA YANG TELAH BERJAYA MENGE-LUARKAN ATLAS YANG TINGGI MUTUNYA.

BELIAU BERHARAP DEWAN ITU AKAN LEBIH AKTIF MENINGKATKAN PERANAN-NYA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA.

KETUA PENGARAH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, HAJI HASSAN BIN AHMAD BERKATA, TUJUAN MENERBITKAN ATLAS ITU TALAH UNTUK

MENJADIKAN MALAYSIA LEBIH TERKENAL LAGI KEPADA NEGARA-NEGARA LAIN.

KATANYA, ATLAS ITU MENUNJUKKAN PERKEMBANGAN NEGARA INI TERMASUK DARI SEGI SEJARAH, POLITIK, EKONOMI, PERHUBUNGAN DAN PENGANGKUTAN, PERTANIAN DAN PERINDUSTRIAN. -- BERSAMBUNG 1800/ZCM

SETIAP ATLAS YANG BERUKURAN 51.25 CM DENGAN 26.25 CM, MENGANDUNGI 196 PETA DAN 170 MUKA SINOPSIS ITU BERHARGA \$100. SEMENTARA ITU, SETENGAH BADAN BERKANUN TELAH PUN MEMBAYAR PEN-DAHULUAN TUNGGAKAN DI BAWAH SEKIM GAJI BARU, DEMIKIAN MENURUT SETIAUSAHA MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN (PEHAK PEKERJA), ENCIK R. KALUGASALAM.

IA MEMBERITAHU BERNAMA, LANGKAH INI SANGATLAH DIALU-ALUKAN. BAGAIMANAPUN TAMBAHNYA, ADALAH SANGAT MENYEDIHKAN KERANA KIRA-KIRA 25,000 KAKITANGAN DALAM PENGUASA TEMPATAN MASIH LAGI MENUNGGU BORANG-BORANG OPSYEN MEREKA.

IA BERHARAP KERTAS-KERTAS OPSYEN ITU AKAN DIKELUARKAN TANPA SEBARANG KELAMBATAN LAGI.

IA BERKATA, MENURUT SATU TINJAUAN OLEH MAJLIS ITU, BANYAK TERDAPAT ANAMOLI DALAM SEKIM GAJI BARU ITU.

ENCIK KALUGASALAM MENYERU JABATAN PERKHIDMATAN AWAM SUPAYA MEM-BETULKAN KESILAPAN-KESILAPAN SEBELUM TAMATNYA TEMPOH PILIHAN PADA 30 JUN.

IA BERKATA, MAJLIS ITU BERSIMPATI PENUH TERHADAP PEKERJA-PEKERJA PELABUHAN KELANG OLEH KERANA MEREKA AKAN KEHILANGAN ANTARA \$30 HINGGA \$60 SEBULAN DIBAWAH SEKIM GAJI BARU ITU. -- BERNAMA  
1802/ZCM